



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000



"KEDAH SEJAHTERA"

BEND20081124-KB2615

24 November 2008

PEKELILING BENDAHARI **BL 11/2008**

Semua Penolong Naib Canselor/Ketua Jabatan/Pengarah
Universiti Utara Malaysia

Y Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan

PENURUNAN KUASA MELULUSKAN BAYARAN ELAUN LEBIH MASA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sepertimana YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan sedia maklum kuasa untuk meluluskan bayaran elaun lebih masa bagi staf yang tidak disenaraikan di dalam jawatan yang dibenarkan serta tuntutan yang melebihi 1/3 dari gaji pokok adalah diletakkan kepada Naib Canselor. Ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977, Pekeliling Bendahari Bil. 7 Tahun 1993 dan Pindaan Pekeliling Bendahari Bil. 7 Tahun 1993 yang menghendaki Pegawai Pengawal yang diberi kuasa meluluskannya.

Walau bagaimanapun, bagi melicinkan operasi bayaran lebih masa, Yang Berbahagia Naib Canselor telah bersetuju untuk menurunkan kuasa kepada pihak-pihak berikut:-

Bil	Kumpulan PTJ	Pihak Berkuasa Meluluskan
i.	Jabatan Hal Ehwal Akademik, Kolej Akademik termasuk Dewan Penginapan Pelajar	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
ii.	Jabatan Hal Ehwal Pelajar termasuk Pusat Kesihatan Universiti	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
iii.	Lain-lain PTJ termasuk Pusat, Institut dan Unit Kenderaan	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
iv.	Strategic Business Unit termasuk Pusat Pengajian Profesional dan Lanjutan, Pusat Pembangunan Eksekutif, EDC-UUM dan Kampus Bandaraya	Pengarah SBU



ISO 9001 STATUS MSC 9001 • STATUS MSC 9001 • STATUS MSC 9001

Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan terlebih dahulu perlu memastikan bahawa langkah-langkah penjimatan telah diambil oleh PTJ di bawah seliaan YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan untuk menjimatkan belanja lebih masa sebelum diluluskan bayaran.

Pekeliling Bendahari ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"ILMU, BUDI,BAKTI"

Saya yang menurut perintah


(HJ. AMRON MAN)
Bendahari
b.p Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia

s.k. : Yang Berbahagia Tan Sri Naib Canselor
: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
: Pengarah PACE
: Pengarah PPE
: Pengarah EDC-UUM
: Pengarah UUMKL
: Edaran